

BH SABTU, 24 OKTOBER 2020

15

JAGA SUNGAI KITA

'Kebersihan Sungai Rengil dipertahan'

Penduduk Orang Asli Pos Brooke harap tiada pencerobohan tanah

Oleh Ramli Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Sungai Rengil yang menyalurkan sumber air mentah kepada lebih 200 penduduk Orang Asli Kampung Kuala Rengil terus kekal menjadi sungai paling bersih di Pos Brooke, dekat sini.

Sungai itu dikatakan belum tercemar berikutan kawasan hutan di kampung terbabit masih bebas daripada pencerobohan untuk aktiviti penanaman sayur, berbanding Sungai Belatop yang airnya berselut.

Penghulu Kampung Rengil, Rajis Angah, berharap hutan di kampung itu kekal bebas daripada pencerobohan pekebun sayur.

Beliau berkata, dengan kerja-


sama penduduk, mereka sentiasa memantau kualiti air Sungai Rengil.

Katanya penduduk tidak mempunyai sumber air lain selain Sungai Rengil untuk kegunaan harian.

"Kami akan terus mempertahankan Sungai Rengil daripada aktiviti yang boleh mencemarkan sungai dan kami sentiasa menjaga alam sekitar daripada menjadi mangsa aktiviti pertanian dan pembalakan," katanya.

Rajis turut menyarankan kerajaan negeri membangunkan kemudahan resort dan chalet di Kampung Kuala Rengil bagi menarik kedatangan pelancong ke tempat itu.

Sementara itu, Penghulu Pos



Air Sungai Rengil, Pos Brooke yang masih bersih dan jernih menjadi sumber air mentah penduduk Orang Asli Kampung Kuala Rengil, Gua Musang. (Foto Ramli Ibrahim/BH)

Kami akan terus pertahankan Sungai Rengil daripada aktiviti yang boleh mencemarkan sungai.

Rajis Angah,
Penghulu Kampung Rengil

Brooke, Riang Bujang, berkata Sungai Rengil perlu dijaga bagi mengelak ia menerima nasib sama seperti Sungai Belatop yang kotor dan berselut, sekali gus tidak dapat digunakan masyarakat Orang Asli di kawasan itu.

Beliau berkata, sejak 20 tahun lalu, masyarakat Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing terdedah masalah pencemaran sungai dan hakisan bukit.

"Kami berharap kerajaanewartakan tanah di Kampung Kuala Rengil bagi mengelak daripada pencerobohan pihak yang tidak bertanggungjawab untuk aktiviti penanaman sayur.

"Saya bimbang jika tidak diberi perhatian kemungkinan Sungai Rengil yang airnya bersih dan jernih akan menerima nasib sama seperti Sungai Belatop," katanya.